

# Pusat ASEAN selaras bantuan kemanusiaan

UM - 5/6/2006  
SINGAPURA 4 Jun - Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mencadangkan penubuhan pusat penyelarasan bantuan kemanusiaan oleh ASEAN bagi membolehkan negara-negara anggota menghulurkan bantuan segera berupa pegawai tentera, orang awam dan barangan di kawasan yang dilanda bencana.

Pusat itu, kata beliau, boleh membentuk prosedur operasi standard (SOP), mengenal pasti unit-unit yang ada dan menentukan apa yang perlu dilakukan di negara yang memerlukan bantuan.

Katanya, ia juga boleh memastikan wang dan barangan dapat dikumpul segera dan diedarkan dengan sebaiknya kepada mangsa-mangsa bencana.

"Kita telah melihat bagaimana semasa berlakunya bencana tsunami dua tahun lalu dan yang terbaru, gempa bumi di Yogyakarta, pasukan keselamatan dan perubatan dari pelbagai negara telah tiba dengan cepat.

"Namun kita masih boleh melakukan lebih banyak perkara dengan cara yang lebih baik.

## **Berguna**

"ASEAN mesti menunjukkan jalan kerana kewujudan pusat ini berguna dan berniat baik," katanya demikian semasa menyampaikan ucapan bertajuk 'Masyarakat Keselamatan Serantau: Perspektif Malaysia' di sesi plenari terakhir Dialog Shangri-la, Sidang Kemuncak Keselamatan Asia anjuran Institut Antarabangsa bagi Pengajian Strategik di sini hari ini.

Turut berucap pada sesi tersebut adalah Menteri Pertahanan Indonesia, Prof. Juwono Sudarsono dan Menteri Pertahanan Australia, Dr. Brendan Nelson.

Namun, kata Najib, pusat itu tidak boleh mengambil konsep tertutup tetapi perlu melibatkan negara-negara lain seperti Amerika Syarikat (AS), Australia dan Jepun yang telah menghulurkan bantuan semasa berlakunya bencana-bencana tersebut.

"Terdapat keperluan untuk melibatkan pihak luar," katanya.

Cadangan Najib itu menerima maklum balas yang positif daripada para peserta dialog yang mengutarakan pelbagai persoalan dan pujian, termasuk Nelson yang mengatakan bahawa Australia berminat untuk menyertai pusat itu dan bersedia mengugaskan pasukan keselamatan serta bantuan yang diperlukan.

Najib membuat cadangan itu dalam konteks pembinaan perkampungan keselamatan yang mana para penghuninya berkongsi nilai-nilai keselamatan termasuk membantu satu sama lain meskipun berada pada tahap pembangunan yang berlainan.

Kata beliau, minda negara-negara anggota perlu diubah daripada hanya melihat isu pertahanan dari segi dilema keselamatan ke perspektif yang lebih murni.

"Kita perlu mengubah daripada pemikiran yang digalakkan oleh politik kuasa kepada usaha mempertahankan kesejahteraan rakan-rakan sedunia," ujarnya.

Menurut Najib, perkampungan yang dibina itu perlu mengambil pendekatan terbuka dan tidak meminggirkan sesiapa.

"Kita tidak boleh meninggalkan sesiapa kerana mereka yang dipinggirkan ini akan merasakan dirinya sebagai sasaran.

"Keselamatan yang kita cari adalah keselamatan bagi semua," tegasnya.

Apabila ditanya mengenai tahap kepercayaan dan keyakinan yang dilihat sebagai rendah di kalangan negara-negara ASEAN bagi membolehkan penubuhan pusat itu, Najib berkata, aspek itu sebenarnya tidak tetap dan perlu dibina sepanjang masa.